

TEKS UCAPAN Y.BHG. TAN SRI DATO' SERI (DR) MOHD SALEH BIN SULONG
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI, KUTKM
SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA 2006 PERINGKAT UNIVERSITI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

TEMPAT:
KAFETERIA KAMPUS INDUSTRI
AYER KEROH, MELAKA

TARIKH :
20 NOVEMBER 2006

TEKS UCAPAN YBHG TAN SRI DATO' SERI (DR) MOHD SALEH BIN SULONG, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, KUTKM sempena Majlis Sambutan Hari Raya 2006 Peringkat Universiti pada 20 November 2006 jam 12.15 tengahari bertempat di Kafeteria Kampus Industri.

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WBT

Yang Amat Berbahagia Canselor KUTKM
Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka
Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin YAAKOB

Yang Amat Berbahagia Toh Puan

Dato' Datin Seri Utama Zurina Binti Kassim

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadirat Allah SWT kerana dengan izinnya maka diberikan kita kesempatan untuk berhimpun bersama-sama pada Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Universiti ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Canselor KUTKM, Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin YAAKOB dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Datin Seri Utama Zurina Binti Kassim kerana sudi hadir bagi menyerikan Majlis ini.

SELURUH WARGA UNIVERSITI AMAT MENYANJUNGI KEPRIHATINAN TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR HADIR PADA SETIAP MAJLIS YANG DIANJURKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI. KAMI AMAT BERBANGGA KERANA TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR SENTIASA MENGAMBIL BERAT MENGENAI PERKEMBANGAN UNIVERSITI INI.

SESUNGGUHNYA KEPRIHATINAN YANG DITUNJUKKAN OLEH TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR MENAMBAHKAN AZAM KAMI UNTUK BEKERJA DENGAN LEBIH GIGIH BAGI MEMASTIKAN KUTKM INI LEBIH CEMERLANG LAGI.

SETERUSNYA SAYA MEMOHON IZIN DARIPADA TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR UNTUK BERUCAP KEPADA PARA HADIRIN.

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI

YBHG DATUK PROFESOR ISMAIL BIN HASSAN
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL
KEBANGSAAN MALAYSIA

YBHG AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

YBHG PROF. DR ABU BIN ABDULLAH
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN
PENGANTARABANGSAAN)

YBHG DATUK PROF. MADYA DR ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN DAN
PENGKOMERSILAN / INOVASI)

YANG DIHORMATI KETUA-KETUA JABATAN
PERSEKUTUAN DAN NEGERI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

TETAMU-TETAMU JEMPUTAN,

WAKIL-WAKIL PELAJAR,

DAN SEMUA STAF YANG DIHORMATI,

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK
MENYUSUN SEPULUH JARI MEMOHON AMPUN DAN
MAAF BAGI PIHAK DIRI SAYA DAN SEMUA
PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI SEKIRANYA
TERDAPAT SALAH DAN SILAP SEPANJANG KAMI
MEMBERI PERKHIDMATAN DI SINI. SESUNGGUHNYA
KAMI TELAH BERUSAHA UNTUK MENUNAIKAN

SEMUA AMANAH YANG TELAH
DIPERTANGGUNGJAWABKAN KEPADA KAMI
DENGAN PENUH DEDIKASI DEMI SATU TUJUAN
IAITU MELIHAT UNIVERSITI INI BERKEMBANG
DENGAN PESATNYA.

NAMUN SEBAGAI SEORANG MANUSIA BIASA, KITA
TIDAK DAPAT LARI DARI MELAKUKAN KESILAPAN.
JUSTERU ITU, MARILAH KITA SAMA-SAMA
MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK BERMAAF-
MAAFAN DAN BERLAPANG DADA AGAR SALING
MEMAAFI ANTARA SATU SAMA LAIN. IA ADALAH
BERTEPATAN DENGAN MATLAMAT MAJLIS
SAMBUTAN HARI RAYA PERINGKAT UNIVERSITI INI
DIADAKAN, YANG ANTARANYA BERTUJUAN AGAR
SEMUA WARGA UNIVERSITI DAPAT BERMAAFAN
SERTA MENERATKAN HUBUNGAN DAN
SETERUSNYA MEMERIAHKAN SAMBUTAN HARI
RAYA INI DALAM SUASANA KEKELUARGAAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

ADALAH MENJADI LUMRAH DALAM SESEBUAH ORGANISASI WUJUDNYA PELBAGAI PANDANGAN DAN PENDAPAT BERKAITAN SESUATU PERKARA ATAU ISU YANG TIMBUL. MASING-MASING MEMPUNYAI HUJAH DAN IDEA UNTUK DIKETENGAHKAN. IA MENUNJUKKAN BAHAWA STAF KUTKM MEMPUNYAI KEAZAMAN YANG TINGGI SERTA SENTIASA BERSEDIA UNTUK MEMBERIKAN KOMITMEN YANG TERBAIK TERUTAMANYA DALAM BENTUK CURAHAN IDEA YANG SANGAT DIALU-ALUKAN.

WALAU BAGAIMANAPUN KITA PERLU MEMBUAT SATU KEPUTUSAN YANG TERBAIK UNTUK UNIVERSITI SECARA MUSYAWARAH, DAN SESUATU KEPUTUSAN YANG DIBUAT TELAH MENGAMBIL KIRA SEMUA PANDANGAN YANG DIKETENGAHKAN OLEH SEMUA PIHAK.

KEPUTUSAN-KEPUTUSAN INI DIBUAT SECARA KOLEKTIF DEMI KEPENTINGAN UNIVERSITI BAGI MEREALISASIKAN VISI UNIVERSITI UNTUK MENJADI UNIVERSITI TEKNIKAL YANG KREATIF DAN INOVATIF TERKEMUKA DI DUNIA. UNTUK ITU, KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUAT OLEH PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI PERLU DILAKSANAKAN SERTA DIHAYATI OLEH SEMUA STAF DENGAN MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA LAGI EFISIEN BAGI MEMPERCEPATKAN PEMBANGUNAN KUTKM.

PERKARA INI TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN SEKIRANYA KITA TIDAK MEMPUNYAI STAF YANG BENAR-BENAR KOMPETEN DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH SERTA SANGGUP MENGETEPIKAN SEGALA PERBEZAAN PANDANGAN DEMI PEMBANGUNAN PESAT UNIVERSITI. KITA PERLU MELETAKKAN KEPENTINGAN UNIVERSITI MENGATASI KEPENTINGAN LAIN SEBAGAI SYARAT

UNTUK MELIHAT KUTKM INI DIHORMATI DI
PERSADA ANTARABANGSA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

DALAM DUNIA YANG PENUH PERSAINGAN
SEKARANG, KITA MEMERLUKAN SATU PASUKAN
KERJA YANG SENTIASA HEBAT DAN BERMOTIVASI
TINGGI. SAYA PERCAYA BAHAWA STAF KUTKM
MERUPAKAN SEBUAH PASUKAN KERJA YANG
SENTIASA MENGEJAR KECEMERLANGAN DEMI
KECEMERLANGAN. INI DAPAT DILIHAT APABILA
KITA TELAH BERJAYA MENCAPAI BEBERAPA
KEJAYAAN SAMA ADA DALAM BIDANG AKADEMIK,
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D),
PEMBANGUNAN PELAJAR, PENTADBIRAN DAN
SEBAGAINYA.

UNTUK MAKLUMAN BERSAMA, SEHINGGA KINI
KUTKM TELAH MEMPUNYAI PELAJAR SERAMAI 5361
ORANG, IAITU 765 ORANG PADA PERINGKAT
DIPLOMA, 4486 ORANG PADA PERINGKAT IJAZAH,
86 ORANG PADA PERINGKAT IJAZAH SARJANA DAN
24 ORANG PADA PERINGKAT DOKTOR FALSFAH.

PADA MASA INI KUTKM BEROPERASI DI KAMPUS
TETAP DAN KAMPUS INDUSTRI. DUA BUAH
BANGUNAN TELAH SIAP DIBINA DAN DIDUDUKI DI
KAMPUS TETAP IAITU FAKULTI KEJURUTERAAN
ELEKTRIK (FKE) DAN FAKULTI KEJURUTERAAN
ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER
(FKEKK). BEBERAPA KEMUDAHAN ASAS IAITU
PERPUSTAKAAN, MAKMAL DAN KAFETERIA TELAH
DISEDIAKAN BAGI MEMBOLEHKAN URUSAN
PEMBELAJARAN DAN PENTADBIRAN BERJALAN
DENGAN LANCAR.

PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP AKAN DITERUSKAN MELALUI PERUNTUKAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (RMK9). IA BAGI MEMASTIKAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAPAT DIADAKAN DALAM SUASANA YANG KONDUSIF. SEBAHAGIAN BESAR PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP DIJANGKA SIAP SEPENUHNYA PADA 2008.

OPERASI UNIVERSITI UNTUK TUJUAN AKADEMIK DAN PENTADBIRAN DI KAMPUS INDUSTRI AKAN DITERUSKAN SEHINGGA KAMPUS TETAP SIAP SEPERTI YANG DIRANCANG PADA TAHUN 2008. PEMINDAHAN OPERASI UNIVERSITI DARI KAMPUS INDUSTRI KE KAMPUS TETAP AKAN DILAKUKAN SECARA BERPERINGKAT APABILA BANGUNAN-BANGUNAN FAKULTI DAN PENTADBIRAN DISIAPKAN. NAMUN BEGITU PUSAT PEMBUATAN TERMAJU (ADVANCED MANUFACTURING CENTRE) DIJANGKA AKAN DIKEKALKAN DI KAMPUS INDUSTRI

BAGI MENCAPAI OBJEKTIF PENUBUHANNYA IAITU MENINGKATKAN KERJASAMA ANTARA UNIVERSITI DAN INDUSTRI.

SELAIN DARIPADA ITU KITA JUGA MEMILIKI KAMPUS BANDAR YANG AKAN MENEMPATKAN BEBERAPA PUSAT TANGGUNGJAWAB SERTA AKAN MENAWARKAN BEBERAPA PROGRAM PEMBELAJARAN KHUSUSNYA YANG BERKAITAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KURSUS JANGKA PENDEK. KAMPUS BANDAR INI AKAN MENJADI LOKASI STRATEGIK BAGI MEMPERGIAT USAHA-USAHA KUTKM UNTUK MENJADI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI YANG MEMBERI PELUANG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT KEPADA MASYARAKAT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

KUTKM KINI MEMPUNYAI STAF SERAMAI 1134 ORANG YANG TERDIRI DARIPADA 526 ORANG STAF KUMPULAN AKADEMIK DAN 608 ORANG STAF KUMPULAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN (BUKAN AKADEMIK). DARIPADA BILANGAN INI SERAMAI 44 ORANG STAF AKADEMIK TELAH DIHANTAR BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PADA PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH, DAN 29 ORANG PADA PERINGKAT SARJANA SAMA ADA DI DALAM DAN LUAR NEGARA PADA TAHUN 2006.

JUMLAH KESELURUHAN STAF AKADEMIK YANG TELAH DIHANTAR UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN SEJAK TAHUN 2001 SEHINGGA KINI IALAH SEBANYAK 300 ORANG IAITU 202 ORANG PADA PERINGKAT IJAZAH SARJANA DAN 98 ORANG PADA PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH. SELAIN DARIPADA ITU TENAGA-TENAGA PENGAJAR YANG BERKELAYAKAN DOKTOR FALSAFAH TELAH DITINGKATKAN DENGAN PENGAMBILAN STAF

AKADEMIK SEBAGAI PENSYARAH SECARA TETAP DAN KONTRAK. IA ADALAH BERTEPATAN DENGAN SASARAN KITA UNTUK MENCAPAI 50 PERATUS STAF AKADEMIK MEMILIKI DOKTOR FALSAFAH PADA 2010.

PIHAK UNIVERSITI JUGA AMAT MENITIK BERAT AKAN KEPERLUAN LATIHAN KEPADA STAF. UNTUK ITU SEMUA STAF TELAH DIPASTIKAN UNTUK MENGIKUTI LATIHAN SAMA ADA BERBENTUK KEMAHIRAN, PENGETAHUAN DAN SIKAP BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN MEREKA DALAM BIDANG MASING-MASING. INI TERMASUKLAH LATIHAN DALAM BIDANG PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, PENTADBIRAN, MOTIVASI, INFORMASI TEKNOLOGI DAN SEBAGAINYA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

KITA JUGA TELAH MENCATATKAN BEBERAPA KEJAYAAN DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) APABILA MEMENANGI BEBERAPA ANUGERAH DALAM PERTANDINGAN DAN PAMERAN YANG DISERTAI. ANTARA PENCAPAIAN YANG MEMBANGGAKAN IALAH KEMENANGAN PROJEK *AIR PRESSURE PLUG* YANG MERAH PINGAT EMAS DI *16TH INTERNATIONAL INVENTION, INOVATION, INDUSTRIAL DESIGN AND TECHNOLOGY EXHIBITION 2005* DAN *34TH INTERNATIONAL EXHIBITION OF INVENTIONS NEW TECHNIQUES AND PRODUCT, GENEVA*.

KUTKM KINI BERADA PADA LANDASAN YANG TERBAIK UNTUK MEMBUAT LONJAKAN BAGI MENCAPI KEGEMILANGAN UNIVERSITI PADA MASA DEPAN. DARI SEMASA KE SEMASA KITA TELAH MENGUMPUL KEKUATAN TERUTAMANYA DALAM ASPEK PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DENGAN MELENGKAPKAN STAF DENGAN ILMU

PENGETAHUAN SUPAYA MEREKA MENJADI LEBIH BERDAYA SAING DAN BERDAYA MAJU.

SAYA PERCAYA DENGAN PENAMAAN SEMULA NAMA KOLEJ UNIVERSITI KEPADA PENGGUNAAN NAMA UNIVERSITI PADA MASA DEPAN YANG SEDANG DIUSAHAKAN OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA, KUTKM AKAN MENJADI LEBIH KOMPETITIF DAN BAKAL BERSAING DENGAN LEBIH TEGUH BAGI MEMPERKUKUHKAN PERANANNYA SEBAGAI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM YANG LEBIH DINAMIK DAN BERWIBAWA.

HADIRIN YANG HADIRAT YANG DIHORMATI

AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA STAF YANG TELAH

MEMBERIKAN KERJASAMA DAN BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MEMBANGUNKAN UNIVERSITI INI. SEMOGA RAMADHAN YANG TELAH DILALUI BERSAMA TELAH MEMPERTINGKATKAN KETEGUHAN KEIMANAN KITA KEPADA ALLAH SWT DI SAMPING TELAH MEMBERI KITA LEBIH KEAZAMAN UNTUK TERUS MAJU PADA MASA HADAPAN.

DI KESEMPATAN INI, BAGI PIHAK SELURUH WARGA UNIVERSITI, SAYA INGIN MERAKAMKAN JUTAAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI DI ATAS KEPRIHATINAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH YANG AMAT BERBAHAGIA TUN CANSELOR DAN YANG AMAT BERBAHAGIA TOH PUAN YANG SENTIASA MENGAMBIL BERAT PERKEMBANGAN UNIVERSITI SERTA BERSIFAT MESRA.

KAMI MENDOAKAN SEMOGA ALLAH SWT MENGURNIAKAN KESIHATAN, KELAPANGAN SERTA

DIMURAHKAN REZEKI KEPADA YANG AMAT BERBAHAGIA TUN CANSELOR DAN YANG AMAT BERBAHAGIA TOH PUAN SUPAYA LEBIH CEMERLANG DAN DISANJUNGI PADA SETIAP MASA.

SEKIAN. WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH,
WASSALAMUALAIKUM WRTH WBT.

TERIMA KASIH.